

Kunjungan Profesor Pelawat Ulung **PROF. DR. MAHMOUD MUSTAFA AYOUB** Ke Fakulti Tamadun Islam UTM Johor Bahru

Fakulti Tamadun Islam UTM telah dikunjungi oleh Profesor Pelawat Ulung, iaitu Prof. Dr. Mahmoud M. Ayoub dari Temple University, Philadelphia USA pada 8-18 Januari 2013. Beliau adalah "Associate Faculty in Islam and Christian-

Naib Canselor UTM di UTM Kuala Lumpur. Hari kedua hingga keempat beliau berada di UTM Johor Bahru dan fakulti telah menyambut kehadiran beliau dengan mengadakan satu majlis beramah mesra bersama staf Fakulti Tamadun Islam di Dewan Al-Marbawiy. Beliau telah bertukar-tukar pendapat bersama staf akademik fakulti berkenaan isu-isu semasa dalam bidang pengajian Islam dan isu berkaitan perbandingan agama.

Di samping itu, Prof. Dr. Mahmoud M. Ayoub telah menyampaikan beberapa syarahan umum kepada pelajar dan staf UTM yang bertajuk "The Spiritual and Cultural Roots of Islamic Civilisation" di Dewan Al-Marbawiy FTI, "The Need for Muslim Unity: This Ummah of Yours is One Ummah" di Dewan Senat UTM dan "Islam and Religious in Pluralism" di Pusat Islam UTM.

Prof. Dr. Mahmoud M. Ayoub telah dibawa bersama-sama wakil Fakulti Tamadun Islam berkunjung ke negeri Perak selama dua hari bagi membuat kunjungan hormat berjumpa Menteri Besar Perak iaitu Dato' Seri Dr. Zambray Abdul Kadir. Beliau telah dijemput untuk memberi Syarahan Perdana di Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah dan Dewan SUK Ipoh Perak. Kehadiran Profesor Ulung ini telah mendapat liputan media di sana memandangkan isu semasa yang sedang hangat diperkatakan adalah penggunaan kalimah "Allah" dalam agama selain Islam.

Muslim Relations" di Hartford Seminary dan "Emeritus Professor of Islamic Studies & Comparative Religion" di Temple University USA.

Kunjungan beliau dimulakan dengan 'courtesy call' di Pejabat YBhg. Prof. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang,



lam. Dalam perkenan Mahmoud berkata, K memperkenalkan perbandingan agama di sekolah bagi mening man masyarakat. B terhadap agama-sga dianuti di negara ini. Menurutnya, lang bagi mengelakkan salah faham berka perti yang berlaku limah Allah ketika an Beliau yang per kan cadangan sama hun lalu berkata, wa untuk kerajaan ber supaya rakyat berb negara ini lebih m mempercayai antar lair.

"Cadangan ini me mua agama di negar dilaksanakan sama a terakhir di sekolah di universiti.

"Datipada kita m ajar Islam mempela Islam di sekolah dan Islam pula diberi ke buat aktiviti lain ke jaran itu berlangsung baik subiekt-penzanain

MAHMOUD Mustafa Ayoub (tengah) bersama Zambray Abd. Kadir (kiri) dan Abdul Rahman Hashim dalam program wacana kunjungan Institut Darul Ridzuan di Ipoh, Perak, semalam.


di Bangunan Perak Darul Rid-titut Darul Ridzuan, Datuk Abdul Rahman Hashim, seperti diminta Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng baru-baru ini ng turut hadir, Menteri Besar, Mahmoud mengulas berhubung yang kemudiannya disokong pe-



Bengkel Penyelidikan 1 Malaysia



Majlis Penyerahan Bangunan FTI



Pengarang
Nasrul Hisyam Nor Muhamad
Tahun Terbit
2012
ISBN
978-983-52-0864-5
Halaman
186 muka surat
Bidang
Pengajian Islam

Permasalahan wasiat dan pemegang amanah wasiat atau wisayah pada zaman ini merupakan satu keperluan yang besar dalam masyarakat. Hal ini demikian kerana sikap umat Islam Malaysia dan masyarakatnya yang kurang memberi penekanan

tentang persiapan pengurusan harta selepas kematian mereka. Jika ada sekalipun, mereka menggunakan sistem perwasiatan konvensional yang sedikit sebanyak berbeza dengan ajaran Islam. Justeru, penghasilan buku ini adalah sangat bertepatan dengan konteks menjadi panduan dari perspektif Islam.

Pada asasnya buku ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama, iaitu perbincangan tentang wasiat, perbincangan tentang wisayah atau pemegang amanah wasiat, dan pelaksanaan wasiat. Perbincangan tentang wasiat pula dipecahkan kepada beberapa tajuk penting antaranya ialah konsep wasiat dengan tumpuan perbincangan kepada pengertian wasiat, ciri asas wasiat, dan asas pensyariatan wasiat. Turut dibincangkan ialah hukum berwasiat dengan fokus kupasan kepada hukum berwasiat sama ada yang sunat atau wajib dan bentuk wasiat yang paling utama disyariatkan dalam Islam. Selain itu, penulis telah berjaya membincangkan rukun wasiat dan segala syaratnya dari segi pewasiat benefisiari wasiat dan waktu sabitnya pemilikan harta wasiat kepada benefisiari. Seterusnya tumpuan perbincangan ialah bentuk wasiat kepada waris dan syarat yang perlu dipenuhi dan bagaimana pengamalan wasiat kepada waris yang diamalkan oleh Malaysia dan negara-negara Islam lain. Penulis turut mengupas dengan lebih mendalam bentuk wasiat wajibah dari segi benefisiari wasiat wajibah, kadar pemberian wasiat wajibah, syarat wasiat wajibah, dan bagaimana pelaksanaan wasiat wajibah yang diperuntukkan dalam ajaran Islam. Selain kupasan tentang wasiat wajibah, penulis telah berjaya mengupas perkara yang diwasiatkan dari segi kadar wasiat, wasiat manfaat, dan pelaksanaan wasiat manfaat. Akhir sekali dalam bab wasiat ini penulis telah membincangkan pembentukan wasiat dari segi wasiat bersyarat, penerimaan dan penolakan wasiat, dan pembatalan wasiat.

Pada bahagian kedua buku ini pula penulis telah mengupas secara tuntas tentang wisayah dari segi pengertian dan hubungannya dengan wasiat, wilayah, wakalah, dan amanah. Turut dikupas ialah hukum wisayah yang wajib, sunat, dan hukum menjadi wasi. Selain itu, penulis membincangkan rukun wisayah dengan segala syaratnya yang terdiri daripada musy, wasi, musa fih, dan bentuk sighth dalam wisayah serta sifat dan kesannya. Selain rukun wisayah, isu kuasa dan kewajipan wasi juga dibahaskan secara jelas dengan fokus perbincangan

ulasan buku

WASIAT DAN WISAYAH DALAM PERANCANGAN HARTA : PRINSIP DAN AMALAN

Oleh: Kamarul Azmi Jasmi, Dr.

kepada kuasa wasi, kontrak yang dilakukan oleh wasi, dan kewajipan wasi. Isu penamatan wisayah juga turut dibincangkan bersama dengan sebab penamatan. Bahagian penting daripada wisayah, iaitu isu fikh seperti mengehadkan tempoh wisayah, pelantikan wasi yang ramai, pemantauan terhadap wasi, bayaran upah terhadap wasi, dan melaburkan aset wisayah turut dikupas agar kefahaman yang lebih khusus tentang hal ini dari sudut hukum mampu difahami dengan lebih mendalam. Perbincangan terakhir daripada wisayah ialah amalan wisayah di Malaysia dari segi pelaksanaan wisayah dan modus operandinya.

Bahagian ketiga daripada buku ini membincangkan aplikasi terbaik daripada perspektif Islam yang sewajarnya diamalkan oleh umat Islam di Malaysia agar amalan wasiat yang dituntut dalam Islam dapat dilaksanakan dengan jayanya dalam kalangan masyarakat. Buku ini amat baik perbincangannya bagi meningkatkan kesedaran dan menambahkan ilmu wasiat kepada seluruh umat Islam. Metodologi perwasiatan seperti yang dibincangkan wajar diketengahkan dan dipraktikkan dalam sistem perundangan wasiat di Malaysia dari aspek perwasiatan dan amalan perwasiatan dan pemegang amanah wasiat atau wisayah. Justeru, adalah menjadi satu kerugian jika kebaikan daripada penulisan ini tidak dimanfaatkan sebaik-baiknya.

Kualiti isi buku yang baik jika tidak diselaraskan dengan persembahan yang menarik serta kualiti atur huruf yang profesional, sudah tentu mengurangkan daya tarikannya. Penggunaan bahasa yang tidak terikat dengan bahasa klasik atau bahasa Arab, malah mempersembahkan penggunaan istilah Melayu yang dirujuk kepada pakar bahasa Melayu dari Dewan Bahasa dan Pustaka, mampu memperkenalkan penggunaannya dalam penulisan akademik. Hal ini merupakan sumbangan besar penulis kepada perkembangan bahasa Melayu dalam penulisan Pengajian Islam. Namun, kualiti atur huruf buku ini didapati kurang profesional lantaran wujudnya lompangan yang agak ketara antara perkataan dan ketidaksiharan antara petikan ayat al-Quran dan hadis dari segi besar dan kecil hurufnya. Hal demikian sedikit sebanyak telah mencacatkan persembahan buku yang baik ini. Bagi menambahkan lagi kualiti buku ini adalah baik jika disertakan dengan gambar yang sesuai dan diletakkan pada bahagian tertentu bagi menggalakkan golongan masyarakat awam membacanya. Tidak dapat dinafikan bahawa penghasilan buku dengan gambar yang berkaitan merupakan salah satu tarikan utama kepada sidang pembaca khususnya dalam kalangan masyarakat awam.